



KENYATAAN MEDIA

PENGUATKUASAAN AKTA PERGIGIAN 2018

Akta Pergigian 2018 [Akta 804] akan dikuat kuasa pada 1 Januari 2022 kecuali bagi tiga peruntukan yang akan dikuat kuasa pada 1 Januari 2025. Akta ini memperuntukkan penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia, pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian, pengawalseliaan amalan pergigian dan perkara-perkara berkaitan. Akta yang mengandungi sembilan Bahagian dan 104 seksyen ini mensyaratkan hanya pengamal yang berkelayakan, berwibawa dan profesional akan didaftarkan, dan layak untuk memberi perkhidmatan pergigian. Dengan ini, kualiti perkhidmatan pergigian dan keselamatan pesakit adalah terjamin, serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan pergigian.

Akta ini akan menggantikan Akta Pergigian 1971 [Akta 51] yang telah mengawal selia amalan dalam bidang pergigian selama 50 tahun dengan jayanya. Walau bagaimanapun dengan perkembangan pengamalan dan teknologi dalam bidang pergigian, suatu akta baharu yang mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan peruntukan yang merangkumi semua aspek pengamalan pergigian terkini adalah diperlukan. Di antara peruntukan baharu dalam Akta Pergigian 2018 adalah Peperiksaan Kelayakan Profesional (*Professional Qualifying Examination*) bagi tujuan pendaftaran sebagai doktor pergigian, pendaftaran pakar pergigian dan juruterapi pergigian, keperluan pengumpulan mata Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development-CPD*) dan Perlindungan Tanggung Rugi Profesional (*Professional Indemnity Cover*) bagi permohonan perakuan pengamalan (*practicing certificate*) dan penguatkuasaan dalam amalan pergigian.

Semua graduan pergigian yang ingin berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia hendaklah lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional. Bagi mereka yang mempunyai kelulusan yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Akta Pergigian 1971, mereka dibenarkan untuk mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia tanpa perlu menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional. Kebenaran ini hanya terpakai bagi tempoh lima tahun dari tarikh akta ini dikuat kuasa iaitu dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026. Di bawah Akta ini, doktor pergigian yang telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia boleh memilih untuk menjalankan khidmat wajib di perkhidmatan awam ataupun swasta. Doktor pergigian yang mempunyai kelayakan pakar lepas ijazah yang diluluskan oleh Majlis boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pakar pergigian di dalam mana-mana 12 kepakaran pergigian bermula Februari 2022.

Seiring dengan perkembangan semasa, semua pengamal akan diwajibkan mengumpul markah Pembangunan Profesional Berterusan dan memperoleh Perlindungan Tanggung Rugi Professional, sebelum memperbaharui perakuan pengamalan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanya akan dikuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Akta ini juga membolehkan penguatkuasaan diambil bagi amalan pergigian yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini terutamanya pengamalan pergigian haram.

Sebarang maklumat lanjut berkaitan penguatkuasaan Akta ini, sila hubungi Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia di ohd@moh.gov.my atau Majlis Pergigian Malaysia di mdc@moh.gov.my.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

10 Disember 2021